

FPP BizNewz

January – May 2022

MANAGEMENT • INVESTMENT • ECONOMICS • ENTREPRENEURSHIP • TECHNOLOGY

**Mengapa Pelaburan
Emas Menjadi Pilihan?**

Telur Mana Telur?

*you
are
what
matters*

**An Affair of Online
Learning and Covid-19**

**Pembasmian Kemiskinan Dalam RMK
Ke-12**

Bukit Harimau Menangis
Tarikan Pendakian di Kemaman



Publication Date
30 June 2022

Photo by Marek Levák on Unsplash



Keindahan semulajadi Air Terjun Janda Mandi



Pemandangan air terjun yang bertemu dengan laut

Trip Pendakian

AIR TERJUN JANDA MANDI

¹Mazratul Firdaus Mohd Zin, ²Siti Rapidah Omar Ali, ²Zuraini Jusoh, ²Kartini Mat Rashid

¹Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

²Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu

Air Terjun Janda Mandi (ATJM) yang terletak di Bukit Gemuk berhampiran Kampung Teluk Kalong, Kijal, Terengganu merupakan tempat tarikan yang tidak asing lagi bagi penggemar aktiviti pendakian. Kedudukannya mengambil masa lebih kurang 12 minit perjalanan dari bandar Chukai menggunakan kenderaan persendirian. Pengunjung dari serata pelusuk negara sanggup datang ke ATJM untuk menyaksikan sendiri keindahan air terjun yang istimewa dan unik. Air terjunnya berketinggian 80 - 90 meter dan airnya jatuh mengalir ke Pantai Teluk Kalong.

Teruja dengan khabar angin tentang keindahan ATJM, kami yang mempunyai minat aktiviti mendaki terpanggil untuk menyaksikan sendiri keindahan pemandangan semulajadi tersebut. Pada 19 Mac 2021 tepat jam 7.00 pagi, kami telah bertolak dari Dungun. Memandangkan trafik yang lancar pada awal pagi, kami tiba pada jam 7.30 pagi di tempat berkumpul seperti yang diminta oleh pemandu arah kami yang bernama

Amirul. Memandangkan trafik yang lancar pada awal pagi, kami tiba pada jam 7.30 pagi di tempat berkumpul seperti yang diminta oleh pemandu arah kami yang bernama Amirul. Disebabkan ini adalah kali pertama kami mendaki ATJM, kami telah menghubungi Amirul untuk membantu menunjukkan laluan mendaki ke ATJM. Pada jam 8.00 pagi Amirul menunjukkan kepada kami tempat yang lebih selamat untuk meletakkan kenderaan. Kebanyakan pendaki meletakkan kenderaan mereka di bahu jalan. Keadaan bahu jalan yang sempit boleh mengundang bahaya. Dari tempat meletak kenderaan, kami mula berjalan melintasi jalan utama untuk sampai ke tapak mula pendakian.

Sebelum memulakan pendakian, kami mendengar taklimat ringkas oleh Amirul dan tepat jam 8.30 pagi kami telah memulakan pendakian.

Pendakian bermula dengan mendaki bukit yang bercerun menelusuri longkang kecil sehingga bertemu kawasan yang mempunyai tebaran luas jaring-jaring bagi memudahkan pendakian. Selain

itu, kegunaan jaring-jaring ini untuk mengelakkan batu-batu jatuh dan bergolek ke bawah. Selain kami, seorang peserta cilik turut serta dalam ekspedisi pendakian ini. Kebanyakan laluan pendakian agak landai dan sangat sesuai untuk pendaki yang baru berjinak-jinak dalam aktiviti pendakian. Setelah lebih kurang 30 minit perjalanan, kami tiba di tebing tinggi. Kelihatan laut kebiruan yang sangat cantik di bawah tebing. Untuk turun ke bawah tebing, kami perlu melalui cerun yang tersedia dengan menggunakan tali untuk kami berpaut. Sampai sahaja di bawah, kami terpana dengan keindahan kawasan tersebut. Terhias dengan batu-batuan di sekitar pantai dan laut yang kebiruan. Keindahan kawasan ATJM bukan hanya pada air terjunnya, malahan batu-batuan yang terletak di sekitar kawasan tersebut menjadikannya sesuai untuk merakamkan foto kenangan.



Laluan turun tebing tinggi ke pesisiran pantai

Lebih kurang pada jam 9.15 pagi, kami sampai ke destinasi yang dituju. Segala keperluan dan bekalan makanan yang dibawa, kami letakkan di pondok yang tersedia berhampiran dengan air terjun. Menurut Amirul, pondok tersebut telah dibina olehnya dan rakan-rakan iaitu pemandu arah yang lain bagi memudahkan mereka untuk berehat setiap kali mereka menjadi pemandu arah kepada pendaki. Setelah meletakkan barang, kami membuka bekalan masing-masing untuk dinikmati bersama sambil menghilangkan lelah mendaki selama hampir 40 minit. Sambil menikmati bekalan yang dibawa, Amirul bercerita tentang asal-usul nama air terjun tersebut.



Batu-batuan di sekitar Air Terjun Janda Mandi

ATJM ada kisah tersembunyi dan hanya diketahui oleh segelintir penduduk asal di Kampung Teluk Kalong, Kijal, mengenai

asal-usul namanya. Nama dipilih rentetan dari kisah seorang wanita yang kematian suaminya yang merupakan seorang nakhoda kapal. Wanita tersebut dan suaminya baru sahaja mendirikan rumah tangga. Dalam satu pelayaran, suaminya mati setelah tercucuk jarum yang digunakan oleh wanita tersebut untuk menjahit. Keadaan di atas kapal waktu itu menjadi tidak terkawal selepas kematian nakhoda termasuk anak-anak kapal yang sering mengganggu isteri nakhoda itu. Isteri nakhoda meminta kapal berlabuh selepas melihat keindahan air terjun di Bukit Gemuk. Walaubagaimanapun, tidak lama selepas wanita itu mandi, beliau tiba-tiba hilang dan ghaib di kawasan air terjun itu menyebabkan kapal terpaksa meneruskan pelayaran tanpanya. Difahamkan selepas itu kapal tersebut karam ketika belayar di kawasan di Teluk Kuang atau lebih terkenal dengan panggilan Pantai Telaga Simpul kerana ketiadaan nakhoda. Rentetan peristiwa itu, air terjun tersebut

dinamakan sebagai Air Terjun Janda Mandi.

Seusai menikmati makanan yang dibawa, segelintir kami mengambil kesempatan untuk mandi di air terjun. Ada juga antara kami yang kekal berada di pondok sambil berbual sebelum bersiap untuk bergerak pulang. Pada jam 10.30 pagi kami memulakan pendakian untuk pulang. Lebih kurang jam 11.00 pagi kami sampai di titik permulaan pendakian tadi. Setelah mengambil gambar kenang-kenangan dan berterima kasih kepada Amirul, kami memulakan perjalanan pulang ke Dungun.

Kesimpulannya, khabar angin tentang keindahan Air Terjun Janda Mandi ternyata adalah benar. Ekspedisi kami kali ini berjaya dan dapat memberikan kepuasan menikmati keindahan alam ciptaan-Nya di samping mengamalkan gaya hidup sihat dengan aktiviti beriadah mendaki bukit.

Rujukan:

Ahmad Rabiul, Z. (2021, Januari 3). Gamitan Air Terjun Janda Mandi. Berita Harian <https://www.bharian.com.my/hujung-minggu/kembara/2021/01/771489/gamitan-air-terjun-janda-mandi>
Mohd Azli, A. (2021, Februari 7). Janda nakhoda ghaib ketika mandi air terjun. Kosmo <https://www.kosmo.com.my/2021/02/07/janda-nakhoda-ghaib-ketika-mandi-air-terjun/>



Bekalan makanan yang dibawa untuk dinikmati bersama.



Di laluan masuk dan keluar trek Air Terjun Janda Mandi



BizNewz 2022
Faculty of Business and Management
Universiti Teknologi MARA Cawangan Terengganu, Kampus Dungun
Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, MALAYSIA
Tel: +609-8400400
Fax: +609-8403777
Email: biznewzuitm@gmail.com